

Submission date: 18/08/2017

Accepted date: 23/11/2017

WACANA TASAWWUF DALAM PEMAHAMAN SIFAT 20
*Sufism Discourse in Notion of 20 Attributes*Mohd Hamidi Ismail
Universiti Sains Islam Malaysia

hamidi@usim.edu.my

Abstrak

Iman dan akhlak adalah dua perkara yang seiring dibicarakan dalam wacana akidah Islamiyyah. Kesimpulannya yang menatijahkan tasdiq (pembenaran yang jazam) tidak hanya memahat iktikad pada hati mukmin malah menyimpulkan luhur budi pada sakhshiahnya, inilah yang dikenal pasti terdapat dalam manhaj akidah para ulama' Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Mazhab yang bertanggungjawab memperkenalkan kaedah makrifah Allah SWT yang dinamakan dengan Sifat 20, secara implisit telah menggabungkan pemikiran tauhid dan tasawwuf secara seimbang demi membentuk sebuah pendekatan yang mapan bagi memerangi kebatilan syirik dan dalam masa yang sama memupuk akhlak mulia ke dalam pekerti insan. Memperkatakan tentang pendekatan ini, tidak lain hanyalah meneroka kembali jihad salaf al-salih yang gigih membangun ummah dan tamadun Islam. Bagi melihat perkara ini dengan lebih lanjut, makalah yang disediakan ini akan mengupas pendekatan Sifat 20 dari sudut gabungannya dengan tasawwuf yang dihadam dan perhalusi oleh ilmuwan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Oleh itu, kelebihan penjelasan diberikan kepada tokoh-tokohnya yang masyhur – yang berupaya menjelaskan akidah menurut perspektif tasawwuf seperti al-Muhasibi (m. 234H), al-Kharraz (m. 277H) dan al-Ghazzali (m. 505H). Semoga makalah ini dapat menambah pemahaman terhadap pendekatan Sifat 20, ke arah membangun insaniah Muslimin, seterusnya memperkasa manhaj Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah di nusantara, khasnya di bumi bertuah ini. Wa billah al-musta'an.

Kata kunci: tasawwuf, akidah, akhlak, Sifat 20, Ahl-al-Sunnah wa al-Jama'ah.

Abstract

Faith and good deeds are two things relatively mentioned in creed of Islam. It outcomes in fabricating the tasdiq (absolute credence) is not merely chiselled conviction in believer's heart, but also fastening majestic kindness on his personage, and this is what have been identified existed in Ahl Sunnah wa al-Jama'ah's methodology in understanding the faith. They who are responsible in introducing the method of

cognizance of Allah SWT named by 20 Attributes, implicitly integrate equally between unification thought and Sufism for the purpose of creating an ensconce approach against falsity of polytheism, and at the same time, manuring noble deeds into human's temperament. Discussing this approach, not other than reinvestigate the salaf al-salih's (pious progenitors) great job in developing the ummah (people) and Islamic civilization. Looking deeply on this matter, this prepared article will expounds the 20 Attributes from its digestibly and delicately integrated angle with Sufism by the scholars of Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Therefore, advantage has given to their renowned scholars – who in capable in explaining faith through Sufism's perspective such as al-Muhasibi (d. 234H), al-Kharraz (d. 277H) dan al-Ghazzali (d. 505H). Hopefully this article can enhances the understanding on 20 Attributes's approach, towards devoloping Muslims character, from then on strengthens the Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah's methodology in Malay archipalego, ecspecially on this distintion land. May Allah help us

Keywords: sufism, faith, deeds, 20 Attributes, Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah

PENDAHULUAN

Matlamat iman dalam Islam bukan sahaja menghasilkan Muslim yang mempunyai keyakinan yang utuh terhadap rukun-rukun Iman malah mampu menghayati akhlak Islam dalam kehidupannya, dan ini adalah matlamat yang menjadi intisari al-Qur'an dan al-Sunnah Rasulullah SAW. Dalam al-Qur'an *al-Karim*, seruan beriman berkait dengan seruan berakhlak dengan akhlak yang *mahmudah* (mulia). Salah satu contohnya, firman Allah SWT dalam surah *al-Qasas* (28:77):

Terjemahan: Dan tuntutanlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari Akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian ni'matNya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan. (Abdullah Basmeih, 1995, 1024).

Penyaksian ayat ini telah menghubungkan iman kepada Akhirat dengan berbuat baik kepada makhluk Allah SWT serta bumiNya, yang mana perbuatan ini merupakan sebahagian daripada akhlak yang mulia. Ayat-ayat seperti yang dibawakan di atas ini sangat banyak terdapat di dalam al-Qur'an *al-Karim*, sehingga boleh disimpulkan bahawa isi al-Qur'an hanyasanya mengajar manusia berakhlak dengan akhlak yang mulia.

Di dalam al-Sunnah Rasulullah SAW pula, hal sebegini amat mudah ditemui. Ia pasti tidak menghairankan kerana akhlak Baginda adalah

kandungan al-Qur'an, jika isinya adalah akhlak mulia maka begitulah juga pelakunya malah secara umumnya, pengutusan Baginda adalah bertujuan menyempurnakan akhlak mulia. Salah satu contoh dari al-Sunnah yang menjadi penyaksian pertalian iman dengan akhlak, sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Sesungguhnya dunia ini manisan hijau yang memikat, dan sesungguhnya Allah Ta'ala melantik kamu sebagai khalifah padanya, maka perhatikanlah bagaimana kamu akan melaksanakan pemerintahan, takutlah akan dunia dan takutlah melakukan kerosakan (Muslim, 1972, 4:2098)

Peringatan dalam hadis ini mengaitkan taqwa – iaitu kemuncak iman – dengan sifat zuhud – iaitu kemuncak akhlak *siddiqin* (orang yang benar). Taqwa yang dimaksudkan di sini ialah taqwa di atas nikmat dunia yang diberikan manakala maksud zuhud pula ialah zuhud dalam mengecapi nikmat tersebut.

Para Sahabat RA, Tabi'in dan selepas daripada mereka (*itba' al-Tabi'in*) amat memahami perkaitan di antara iman dan akhlak Islam. Bukan hanya bersandarkan kepada *tawjihah* (saranan) wahyu tetapi juga daripada ijthad yang mereka tekuni, berdasarkan ilmu mereka yang melaut itu. Lihatlah kepada generasi Sahabat RA, kezuhudan, kewarakan dan kehambaan mereka telah memperkenalkan erti *'abid* (pengabdikan Allah) yang memandu kita memahami maksud *taqarrub* (mendekati) Allah SWT, bahkan daripada iman dan akhlak para Sahabat RA yang tertentu seperti Abu Hurayrah RA, istilah *ahl al-Suffah* (ahli sufi) dinukilkan ke dalam kamus dan sejarah Islam. Begitu juga lihatlah kepada generasi selepas Sahabat RA, khasnya mereka yang dikenali sebagai *a'immah al-Madhahib* (imam mazhab-mazhab), tidak sedikit kisah akhlak mulia mereka sampai kepada kita. Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam al-Shafi'i dan Imam Ahmad Hanbali RH, dikenali *fuqaha' al-'amilin* (ahli fekah yang beramal). Pengenalan ini berpandukan kepada kesungguhan mereka dalam menghayati amali fekah dan bukan sekadar mengkajinya. Justeru itu, jika disiplin fekah dikira adab bersama Allah SWT maka imam-imam ini paling baik akhlak mereka di sisiNya kerana adab dalam fekah adalah akhlak dalam ibadah, dan ibadah ini sia-sia tanpa iman yang sah. (Muhammad Fawqi, 1984, 7-14).

Adalah amat jelas perkaitan antara iman dan akhlak dalam sumber dan tradisi Islam. Hal ini menjadi panduan kepada ilmuwan Islam dalam mengolah pembelajaran akidah yang menganjur akhlak yang mulia, sesuai dengan manifestasi tamadun Islam; akhlak cerminan akidah. ('Ulwan, 1984, 7). Tujuannya ialah menghasilkan umat Islam yang mantap akidahnya dan dalam masa yang sama cemerlang peribadinya, kerana hasil ini sahaja yang mampu meraih kebaikan di dunia dan di akhirat. Sebarang pemisahan di antara iman dan akhlak akan mengakibatkan kepincangan yang merosakkan jiwa dan sosial umat Islam. Lantaran itulah, penegak *ummah al-Islamiyyah* iaitu Mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, mengutarakan pembelajaran akidah yang

memenuhi keperluan akli serta rohani manusia, yang bersifat *tawazun* (mengimbangi) dan *murunah* (mudah dilentur), yang memaknakan *wasatiyyah* (moderat) sebagai pendekatan dalam beragama. Sungguhpun pendekatan ini adalah hasil ijtihad namun penelitian dan pengkajian mendalam yang dilakukan ke atasnya, menjadikan pendekatan akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah lebih menghampiri saranan wahyu dan keperluan umat Islam memahami iman dan menghayati akhlak, berbanding pendekatan-pendekatan lain, daripada mazhab pemikiran Islam yang lain.

Menjelaskan perkara di atas secara lebih terperinci, makalah ini akan mengupas berkenaan kesan akhlak yang terhasil daripada pembelajaran akidah menurut pendekatan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah iaitu melalui Sifat 20. Tumpuan perbincangan akan diberikan kepada sudut tasawwuf dalam Sifat 20, bertujuan meneliti secara terperinci perkaitan di antara Sifat 20 dengan akhlak Islam. Bertepatan dengan ini, pandangan ilmuwan Usuluddin Mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah diutamakan berbanding pandangan ilmuwan lain dalam mazhab tersebut.

PERKAITAN SIFAT 20 DENGAN TASAWUF DALAM TRADISI ISLAM

Dalam sebuah hadis yang terkenal dengan nama hadis Jibril, malaikat Jibril AS telah menanyakan persoalan tentang Islam, iman dan ihsan. Nabi SAW telah menjawab persoalan tersebut yang mana jawapan Baginda ini telah menafsirkan *Islam* sebagai fekah dengan lima rukunnya, *iman* sebagai akidah dengan enam rukunnya dan *ihsan* (ihsan) sebagai tasawwuf dengan akhlak sendinya. Ihsan ditafsirkan sebagai tasawuf kerana fungsi kedua-duanya mempunyai persamaan. Ihsan menyempurnakan Islam dan iman manakala tasawwuf memurnikan ibadah dan iktikad. Ini sangat jelas dapat dilihat pada takrif ihsan yang diberikan oleh Nabi SAW, Imam al-Bukhari RH meriwayatkan:

الإحسان أن تعبد الله كأنك تراه فإن لم تكن تراه فإنه يراك

Terjemahan: ihsan ialah kamu menyembah Allah seumpama kamu melihatNya, seandainya kamu tidak dapat melihatNya sesungguhnya Dia melihat kamu. (al-'Asqalani, t.t., 1:138)

Menurut Imam Ibn Hajar RH (m. 852H), antara Sahabat Nabi SAW yang membicarakan ihsan sebagai tasawwuf ialah 'Ammarah bin al-Qa'qa' dan Anas RA. Mereka memahaminya demikian kerana menurut mereka, jika Islam difahami sebagai fekah, ia menghukumkan ibadah supaya menjurus serta menepati khusyuk dan beradab maka khusyuk dan adab inilah ihsannya. Dan jika iman itu pula difahami sebagai akidah, ia menjazamkan iktikad supaya mencapai yakin serta terarah kepada taat dan patuh kepada Allah SWT maka taat dan patuh inilah ihsannya. (al-'Asqalani, t.t., 1: 145). Pada sudut yang sama, tasawwuf juga melengkapkan ibadah dan akidah, atau lebih tepatnya memurnikan ibadah dan akidah menurut anjuran wahyu. Maka persamaan ihsan dan

tasawwuf adalah jelas malah boleh disimpulkan bahawa tanpa ihsan, Islam dan iman tidak mencapai kesempurnaan sepertimana tanpa tasawwuf, ibadah dan iktikad tidak mencapai kemurniaan. (al-Qushayri, 1990, 42).

Menyentuh soal iktikad dan tasawwuf, seakan gabungan kedua-duanya sehati dalam wacana akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Sifat 20, bilangannya sepertimana dinukilkan daripada kitab '*Aqidah al-Najin*' karya Shaykh Zayn al-Din al-Fattani RH: 1. *wujud* (ada zatNya), 2. *qidam* (tiada mendahului), 3. *baqa'* (kekal), 4. *mukhalafatuhu li al-hawadith* (bersalahan Allah Ta'ala bagi segala yang baharu), 5. *qiyamuhu bi nafsihi* (berdiri Allah Ta'ala dengan sendiriNya), 6. *wahdaniyah* (esa), 7. *qudrah* (berkuasa) 8. *iradah* (berkehendak), 9. *'ilm* (mengetahui), 10. *hayyah* (hidup), 11. *sama'* (mendengar), 12. *basar* (melihat), 13. *kalam* (berkata-kata), 14. *qadiran* (yang kuasa), 15. *muridan* (yang berkehendak), 16. *'aliman* (yang mengetahui), 17. *hayyan* (yang hidup), 18. *sami'an* (yang mendengar), 19. *basiran* (yang melihat) dan 20. *mutakalliman* (yang berkata-kata). (Zayn al-Din, t.t., 16-36).

Kesemua Sifat 20 ini, walaupun terkenal sebagai kaedah makrifah Allah menurut Ilmu Kalam akan tetapi pembinaan dan pengaturan Sifat 20 telah melalui metode saringan dan pengisian Ilmu Tasawwuf. Metode ini bukanlah suatu yang baru dalam Islam kerana sebagaimana telah diterangkan, akidah dan tasawwuf saling berpadu sama ada pewartannya di dalam al-Qur'an atau al-Sunnah maka saringan dan pengisian tasawwuf ke dalam akidah adalah metode yang bukan sahaja diajarkan oleh Nabi SAW malah diwahyukan oleh Allah SWT. (al-Qushayri, 1990, 41). Meskipun juga pendekatan atau pembelajaran Sifat 20 tidak dikenali sebelum mula diperkenalkan oleh Imam Abu Hasan al-As'ari RH (m. 324H) pada awal kurun ke-4 Hijrah dan disempurnakan oleh Imam al-Ghazzali RH (m. 505H) pada kurun ke-6 Hijrah, namun para ulama' salaf sebelumnya, tidak seorang pun yang mengingkari pendekatan akidah menurut tasawwuf, pendekatan yang terdapat dalam Sifat 20 (al-Qusi, 1998, 22). Ini kerana, pertamanya ia adalah pendekatan wahyu dan kedua ia memudahkan iman dicerap oleh hati dan akal. Bahkan dicatatkan bahawa zaman salafiah dibangkitkan dengan jumlah ilmuwan sufi yang ramai sehingga melebihi zaman-zaman lain. Tokoh-tokoh besar salaf *al-salih* dalam pelbagai bidang ilmu adalah ahli sufi, contohnya Shurayh bin al-Harith bin Qis RH (m. 78H) yang terkenal sebagai qadi di zaman *Khulafa' al-Rashidin*. Kemahirannya dalam fekah dan memutuskan hukum-hakam menyebabkan beliau lebih dikenali dengan nama Qadi Shurayh disamping dikenali zuhud dan warak. Begitu juga halnya dengan Sa'id bin al-Musib bin Hazan RH (m. 94H), ilmuwan hadis yang amat menyintai Rasulullah SAW. Tidak terkecuali juga al-Nu'man bin Thabit, Abu Hanifah RH (m. 150H), imam para fuqaha'. (Muhammad 'Ali, 2000, 39; 63; 301). Nama mereka ini apabila disebutkan, tidak terpisah daripada pengenalan sebagai ahli sufi kerana akhlak mereka bahkan mereka digolongkan sebaris para sufi yang terkemuka seperti Ruwim bin Ahmad RH (m. 303H), Ibrahim bin Adham RH (m. 161H), Abu Yazid al-Bastami RH (m. 261H), Sahl al-Tusturi RH

(m. 283H) dan ramai lagi oleh Imam al-Qushayri dalam tulisannya *Risalah al-Qushayriyyah*, pada membicarakan kesufian dan para sufi (al-Qushayri, 1990, 390-400).

Kezuhudan dan kewarakan yang ditunjukkan para salaf *al-salih* telah membuktikan kesufian mereka dalam kehidupan mereka, yang merangkumi peribadatan, berfikir dan berakidah. Sekaligus membuktikan, pendekatan Sifat 20 yang bersifat *‘aqidiyyah wa tasawwufiyyah* (akidah lagi bertasawuf) telah diaplikasikan oleh ilmuwan salaf walaupun bentuk lengkap Sifat 20 belum sempurna lagi. Membuktikan lagi kenyataan ini, hujah-hujah berikut boleh dijadikan sandaran. Pertama, kata-kata tokoh sufi salaf seperti al-Junayd RH (m. 279H):

التوحيد علمك وإقرارك بأن الله فرد أزلية لا ثاني معه، ولا شئ يفعل فعله
 Terjemahan: tauhid adalah pengetahuan dan pengakuan
 mu bahawa Allah tunggal, azali, tiada yang kedua
 bersamaNya, dan tiada sesuatu yang melakukan
 perbuatanNya (al-Qushayri, 1990, 43).

Pernyataan ‘tunggal’ dalam ucapan al-Junayd RH di atas menjelaskan *wahdaniyah* (esa), ‘azali’ menjelaskan *qidam* (tiada mendahului), ‘tiada yang kedua bersamaNya’ menjelaskan *qiyamuhu bi nafsihi* (berdiri Allah dengan sendiriNya) dan ‘tiada sesuatu yang melakukan perbuatanNya’ menjelaskan *qadiran* (kekuasaan sentiasa) dan *muridan* (berkehendak sentiasa). Semua pernyataan al-Junayd ini telah memaknakan sebahagian Sifat 20, membuktikan keseragaman pemahaman tauhid tokoh sufi yang terkemuka dengan pendekatan Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah kemudiannya.

Kedua, pengiktirafan *qudwah al-salafiyyin* (ikutan para salaf) Imam Ahmad bin Hanbal RH (m. 241H) kepada pendekatan akidah Imam al-Harith al-Muhasibi RH (m. 234H). Sungguhpun pada mulanya, Imam Ahmad RH mengira Imam al-Harith RH telah terpengaruh dengan falsafah kerana menggunakannya menentang falsafah kalam Mu‘tazilah namun setelah mengetahui hakikat kesufian Imam al-Harith RH, Imam Ahmad RH menarik balik tuduhan sesat terhadap Imam al-Harith RH serta pendekatan akidahnya bahkan Imam Ahmad RH memperakui pendekatan tersebut sebagai sah, iaitu pendekatan akidah yang mengakar bersama tasawwuf (al-Sha‘rani, t.t., 1:64).

FALSAFAH TASAWWUF DALAM SIFAT 20

Sifat 20 mengikut pembahagian yang dilakukan oleh Asha‘irah terbahagi kepada empat bahagian: *al-Nafsiyyah*, *al-Salbiyyah*, *al-Ma‘ani*, *al-Ma‘nawiyah*. Setiap daripada bahagian Sifat 20 ini mempunyai sudut interaksi dengan tasawwuf, ini dinyatakan seperti berikut:

PADA BAHAGIAN AL-NAFSIYYAH (DALAMAN)

Hanya terdapat satu sifat sahaja iaitu *wujud* (wujud). Sifat ini diinduksikan daripada pemahaman terhadap pergantungan makhluk kepada Allah SWT, dan ‘induksi’ di sini bermaksud terhasil melalui pendalilan akal (‘Ali, 2010, 72). Iaitu, akal memahami bahawa wujudnya Allah SWT berpandukan kepada bukti wujudnya makhluk, dan akal juga memahami bahawa Allah SWT wujud tanpa tujuan, sebaliknya makhluk wujud kerana tujuan tertentu iaitu menyembah Allah SWT. Perbezaan antara dua kewujudan ini menghasilkan satu hukum bahawa Allah SWT wajib wujud (*wajib al-wujud*) kerana Dialah sebab kepada tujuan wujudnya makhluk maka dengan itu wujudnya mereka bersalahan dengan wujud Allah SWT, mereka wujud hanyalah mungkin sahaja (*mumkin al-wujud*). Jika tidak bersebab dengan tujuan menyembah Allah SWT maka tidak wujudlah mereka, inilah dimaksudkan dengan mungkin wujud, perkaitan wujud dengan sebab (al-Bayjuri, 1939, 34).

Kognitif sifat wujud Allah SWT sebagaimana diterangkan amat menyerlahkan sisi tasawwufnya, iaitu berpaksikan kenyataan Allah SWT sebagai pusat tumpuan tujuan makhluk. ‘*Ubudiyah Allah* (menyembahkan ibadah kepada Allah SWT) adalah satu-satunya tujuan makhluk dijadikan maka tanpa ‘*ubudiyah* tersebut, kewujudan mereka adalah sia-sia. Memahami perkara ini, ‘*ubudiyah Allah* tidak seharusnya ditekuni oleh anggota badan sahaja malah semestinya dicermati oleh hati. Penghayatan yang bersifat *qasdi* (qasad) dan *ruhi* (ruh) adalah bentuk ‘*ubudiyah* yang wajib dilaksanakan, dan di sinilah maksud *ikhlas* (ikhlas) memainkan peranannya dengan nyata, iaitu menghayati kewujudan diri semata-mata bertujuan menyembah Allah SWT. Menerangkan maksud ikhlas ini secara lebih terperinci, Imam Abu Sa‘id al-Kharraz RH mentakrifkannya dengan maksud:

Menjadikan hamba menghendaki (menyembah) Allah SWT adalah dengan segala amalannya, perbuatannya, pergerakannya, semuanya sekali sama ada zahir atau batin. Dia (hamba) tidak menghendaki selain daripada Allah SWT sahaja. Dia (hamba) membangunkan akalnya, ilmu dan hatinya, meraikan kepentingannya, hanya mengqasatkan Allah SWT sahaja di dalam setiap urusannya. Dia tidak menyukai pujian atau galakan mana-mana orang pun, tidak gembira amal kebbaikannya diketahui oleh orang lain, jika mereka mengetahuinya, dia segera menjauhinya (menyembunyikannya) dengan segera bahkan dia membencinya diketahui orang. Akan tetapi, apabila ada orang memujinya, dia bersyukur kepada Allah SWT, bukan kerana kebaikan amalannya diketahui orang tetapi kerana orang menyedari kebaikan amal tersebut dan mengikutinya (‘Abd al-Halim, 2004, 154).

Inilah hakikat ikhlas yang difahami di dalam Islam. Kaitannya lebih akrab dengan hati berbanding dengan amalan zahir, memberi fungsi kepada ikhlas menentukan kesempurnaan ‘*ubudiyah* kepada Allah

SWT, seterusnya menentukan kesempurnaan kewujudan makhluk (al-Falimbani, t.t., 234). Tanpa keikhlasan tidak sempurnalah *‘ubudiyyah* dan tanpa *‘ubudiyyah* tidak bergunalah kewujudan makhluk – genesis daripada konsep *‘illah wa ma‘ul* (sebab dan kesan) dalam wacana *wujud Allah subhanahu wa ta‘ala* (kewujudan Allah SWT).

Tanpa ikhlas juga, boleh mendedahkan *‘ubudiyyah* kepada sifat-sifat *madhmumah* (tercela). Antaranya sifat *nifaq* (kemunafikan) yang menyimpan kekufuran di dalam hati. Antaranya juga sifat *zinddiq* (kepalsuan iman) di dalam hati yang menentang ajaran Islam, sebaliknya menzahirkan sukakan Islam pada sikap dan perbuatan (Muhammad Rabi‘, 2005, 1:51).

PADA BAHAGIAN AL-SALBIYYAH (NEGATIF)

Terdapat lima sifat dalam bahagian ini iaitu *qidam* (tiada mendahului), *baqa’* (kekal), *mukhalafatuhu li al-hawadith* (bersalahan Allah Ta‘ala bagi segala yang baharu), *qiyamuhu bi nafsih* (berdiri Allah Ta‘ala dengan sendirinya) dan *wahdaniyah* (esa). Sifat-sifat ini diinduksikan daripada pendalilan akal terhadap bersalahannya (*tudad*) Allah SWT dengan segala ciptaanNya. Sepertimana diterangkan dahulu tentang induksi dalam bahagian *al-Nafsiyyah*, sifat-sifat *al-Salbiyyah* ini juga terhasil daripada pendalilan akal (‘Ali, 2010, 72). Iaitu akal membandingkan Allah SWT dengan makhluk. Hasil daripada bandingan ini menetapkan bahawa keagungan Allah SWT mengatasi segala-galanya, bahawa Dialah tuhan pemilik segala kesempurnaan, sebaliknya makhluk adalah hina, memiliki kekurangan dan kelemahan (al-Bayjuri, 1939, 35).

Dengan penetapan Allah SWT memiliki segala keagungan serta kesempurnaan dan makhluk memiliki kekurangan dan kelemahan, menatijahkan bahawa makhluk memerlukan Allah SWT pada segenap aspek kehidupan mereka. Dari sifat-sifat *al-Salbiyyah* inilah penghayatan tasawwuf terhadap *maghfirah* (keampunan) diselami. Ciri-ciri yang terkandung di dalamnya seperti *khawf* (takut) *tawbah* (taubat), *qana‘ah* (berpada) dan *taqwa* (takwa) terbentuk di dalam hati, hasil daripada mengimani kekalnya Allah SWT dan binasanya makhluk; abadinya Allah SWT dan sementaranya makhluk; satunya Allah SWT dan berbilangnya makhluk. Keimanan terhadap perkara-perkara ini mendidik hati bagaimana mengenal kekurangan yang difitrahkan pada kejadian hamba serta penyakit maknawi yang boleh menyerang hati, misalnya *khawf* yang sinonim dengan azab Allah SWT di Akhirat. Perasaan takutkan seksa dan kehinaan neraka Allah SWT adalah hasil daripada kesedaran terhadap dosa-dosa dan keyakinan pada mati. Semua ini memangkinkan kemahuan bertaubat, meneladani sikap berpada dan berharap, yang mana pada akhirnya terhasillah takwa (al-Ghazzali, 1999, 12; 30; 141; 253). Maksud daripada ucapan Ibn ‘Abbas RA ini menerangkan segalanya:

Sentiasalah mensyukuri Allah, dan singkatkan cita-cita mu. Ziarahilah kubur dengan penuh kesedaran, ingatilah

*mati, kenangkan hashr (himpunan mega) dalam hati mu.
(al-Muhasibi, 2000, 124).*

Iaitu mensyukuri Allah SWT dengan beribadah kepadaNya, segera melakukan kebaikan sebelum angan-angan melakukannya. Mengambil iktibar daripada kematian kerana ia adalah satu kepastian bagi setiap kelahiran di dunia ini. Bugarkan pandangan hati tentang Akhirat walaupun pandangan mata terpesona dengan kelibat dunia. Semua ini terhasil apabila mengira kelemahan serta kekurangan diri sendiri dan menghayati keagungan serta kesempurnaan zat Allah SWT.

PADA BAHAGIAN AL-MA‘ANI (MAKNA)

Terdapat tujuh sifat dalam bahagian ini iaitu *qudrah* (berkuasa), *iradah* (berkehendak), *‘ilm* (mengetahui), *hayyah* (hidup), *sama‘* (mendengar), *basar* (melihat) dan *kalam* (berkata-kata). Sifat-sifat ini diambil secara nakli berpandukan keterangan Allah SWT di dalam al-Qur’an dan diberi pengukuhan melalui pemahaman akli terhadap kelaziman yang terbit daripada sifat *al-Nafsiyyah* Allah SWT. kelaziman yang dimaksudkan di sini ialah menepati pengistilahan *al-Ma‘ani* yang memberi maksud ‘segala sifat yang membina dengan pensifatan yang terdapat pada zat’ (*kullu sifat qa’imah bi mawsuf al-mujib lahu*) (al-Bayjuri, 1939, 40). Maknanya, apabila difahami Allah SWT itu wujud maka untuk menzahirkan kewujudan ‘wujud’ itu wujud, ia diberikan maknanya yang mana ia mesti sesuai dengan diri Allah SWT. Oleh kerana makna wujud Allah SWT mempunyai beberapa makna, dengan sebab itulah, makna-makna tersebut dikenali dengan jamak/plural ‘*al-Ma‘ani*’. Hasilnya, Allah SWT bukan sahaja disifatkan wujud bahkan wujudNya dengan kewujudan yang maha agung, tidak mengalami lemah, dipaksa, mati, pekak, buta serta bisu, dan daripada segala sifat yang mustahil bagi Allah SWT, walaupun sifat-sifat demikian harus bagi makhluk (‘Ali, 2010, 74). Semua sifat *al-Ma‘ani* ini berfungsi menambah pemahaman terhadap keagungan zat Allah SWT, iaitu menambah perasaan pergantungan di dalam hati. Telah dijelaskan dahulu dalam sifat *al-Nafsiyyah*, tujuan kewujudan hamba adalah menyembah Allah SWT. ‘*Ubudiyyah* yang dipersembahkan perlu mencapai ikhlas supaya ‘*ubudiyyah* tersebut bersih daripada *nifaaq* dan *zinddiq*. Maka pergantungan hampa pada Allah SWT melalui iman terhadap sifat *al-Ma‘ani* diingini lebih padu, kerana melalui sifat ini menambahkan lagi keyakinan pada kewujudan Allah SWT. Jika ikhlas adalah sisi tasawwuf dalam mengimani wujud Allah SWT maka *khunu‘* (akur) serta *khudu‘* (patuh) kepada kuasa dan kehendak Allah SWT adalah dalam mengimani sifat *al-Ma‘ani* Allah ‘*azz wa jall* (al-Ghazzali, 1999, 311).

PADA BAHAGIAN AL-MA‘NAWIYYAH (MAKNAWI)

Terdapat tujuh sifat dalam bahagian ini iaitu *qadiran* (yang kuasa), *muridan* (yang berkehendak), *‘aliman* (yang mengetahui), *hayyan* (yang hidup), *sami‘an* (yang mendengar), *basiran* (yang melihat) dan *mutakalliman* (yang berkata-kata). Jumlah sifat bahagian *al-*

Ma'nawiyah ini sama dengan jumlah dalam bahagian sifat *al-Ma'ani* bahkan sifat-sifat yang terkandung di dalam *al-Ma'nawiyah* adalah sifat-sifat yang sama yang terkandung di dalam sifat *al-Ma'ani*. Atau dengan kata lain, sifat *al-Ma'nawiyah* adalah terbitan sifat *al-Ma'ani*.

Al-Ma'nawiyah yang diterjemah sebagai maknawi dalam Bahasa Melayu, memberi maksud berhubung dengan makna atau memberi kepentingan (Kamus Dewan, 2002, 848). Terjemahan ini hampir menepati erti *al-Ma'nawiyah* dalam istilah Usuluddin kerana menurut *Usuliyun* (ulama' Usuluddin) sifat *al-Ma'nawiyah* Allah SWT difahami berasal daripada sifat *al-Ma'ani*, cuma perbezaan antara keduanya ialah tambahan fungsi *wasitah* (perantara) pada sifat *al-Ma'nawiyah* yang menghubungkan sifat *al-Ma'ani* Allah SWT yang qadim lagi azali dengan makhluk yang baharu lagi sementara. Akan tetapi secara lebih terperinci, fungsi perantara pada sifat *al-Ma'nawiyah* bukan sahaja menghubungkan sifat *al-Ma'ani* Allah SWT dengan makhluk malah menjadi pelaksana (*tanfizan*) perbuatan mereka. Dengan kata lain, segala perilaku makhluk yang telah, mahupun yang belum, ataupun yang semasa, berada dalam kudrat dan iradat Allah SWT, contohnya sifat *qadiran* (yang berkuasa). Sifat ini bukan sahaja memberi maksud Allah SWT memiliki kuasa mutlak ke atas segala-galanya malah Dia sentiasa berkuasa tanpa perikatan masa serta tempat, ini dijelaskan oleh *hal* atau *ahwal* (kesemasaan) yang menjadi wazan *qadiran* (al-Bayjuri, 1939, 48).

Menurut al-Shahid Dr. Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti RH, sifat *al-Ma'nawiyah* Allah SWT berkait dengan empat bahagian, tiga bahagian berhubung dengan makhluk dan satu bahagian sahaja yang berhubung dengan zat Allah SWT. Tiga bahagian yang berhubung dengan makhluk itu terbina di atas dasar *inkishaf* (membuka), *takhsis* (mengkhusus), *ta'thir* (memberi kesan) dan *ihatah* (memperinci) segala yang berlaku ke atas makhluk dan apa yang dilakukan oleh mereka. Menatijahkan, tiada yang berlaku dan tidak satu perbuatan makhluk pun melainkan di bawah pengawasan dan kekuasaan Allah SWT, sama ada dirasakan baik atau buruk oleh mereka (al-Buti, 2010, 131-135). Natijah ini apabila difahami secara teliti, merupakan kemuncak iman sepertimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Dan beriman dengan qadar Allah SWT semuanya, baik dan buruknya (al-'Asqalani, t.t., I: 143).

Kemuncak iman melalui sifat *al-Ma'nawiyah* jika diamati melalui prospek tasawwuf, menghasilkan penghayatan yang lebih halus berbanding iman melalui sifat *al-Ma'ani*. Ini kerana, sifat *al-Ma'nawiyah* memperincikan sifat *al-Ma'ani*. Justeru, jika iman terhadap sifat *al-Ma'ani* memupuk sifat akur dan patuh kepada kuasa dan kehendak Allah SWT maka iman terhadap sifat *al-Ma'nawiyah* memupuk sifat *mahabbah* (cinta), *tawakkal* (tawakal) dan *rida* (redha) dengan setiap ketentuan Allah SWT (al-Ghazzali, 1999, 33; 307; 311). Masakan tidak terpupuk cinta kepada Allah SWT apabila mengimani Dia sedang mendengar dan memerhati hamba-hambanya melalui sifat

sami'an dan *basiran*, Dia mendengar doa dan aduan, melihat sejahtera dan kezaliman. Masakan tidak terpupuk tawakal kepada Allah SWT apabila mengimani Dia sentiasa berkuasa dan menghendaki melalui sifat *qadiran* dan *muridan*, Dia berkuasa dan menghendaki kebaikan atau keburukan maka kepadaNya segala pengharapan. Masakan tidak terpupuk redha kepada Allah SWT apabila mengimani Dia kekal hidup dan berkata-kata kepada hambaNya melalui sifat *hayyan* dan *mutakalliman*, Dia menghidupkan semua hambaNya dan berkata-kata dengan hikmah kepada mereka melalui al-Qur'an, yang terkandung peringatan dan berita gembira. Nabi SAW menyimpulkan apa yang diperkatakan ini dengan sabda Baginda yang bermaksud:

Sesungguhnya Allah 'azz wa jall berfirman kepada ahli syurga: wahai ahli syurga. Lalu mereka menjawab: kami menjawab Mu ya Allah, wahai Tuhan kami, kegembiraan Mu, kebaikan dalam rahmat Mu. Berfirman Allah SWT: adakah kalian redha? Jawab mereka: mengapa kami tidak redha, wahai Tuhan kami, Engkau telah memberikan kepada kami apa yang tidak mampu diberikan oleh mana-mana makhluk Mu. Allah SWT berfirman lagi: apakah kalian mahu Aku berikan suatu yang lebih baik dari semua itu? Mereka menjawab: apakah ada yang lebih baik dari semua itu? Allah SWT berfirman: ya, ke atas kalian redha Ku. Dengannya Aku tidak sesekali murka terhadap kalian.(muttafaq 'alayh) ('Abd al-Halim, 2004, 60).

PENDIDIKAN AKHLAK MELALUI SIFAT 20

Daripada penjelasan yang diutarakan, dapat difahami bahawa keseluruhan Sifat 20 yang menjelaskan keagungan dan kesempurnaan Allah SWT, juga bertindak menerapkan pemahaman tasawwuf Islam. Pemahaman yang menumpukan keberhasilan *ikhlas*, *khawf*, *qana'ah*, *tawbah*, *khunu'*, *khudu'*, *mahabbah*, *tawakkal* dan *rida* yang menjadi asas-asas rohani bagi membina akhlak Islam yang murni. Asas-asas ini dikenali sebagai *'umdah* (teras) kepada segala cabang sifat *mahmudah* (mulia) yang dianjurkan oleh Allah SWT dan nabiNya Muhammad SAW. Daripada teras *ikhlas* misalnya, terhasillah *sidq* (benar) dan *sabr* (sabar) sepertimana diterangkan oleh Imam al-Kharraz RH dengan maksud:

Dan sidq (benar) tidak sempurna melainkan dengan sabar, dan ikhlas termasuk di dalamnya (sabar) ('Abd al-Halim, 2004, 153).

Daripada teras *khawf*, *qana'ah* dan *tawbah* pula terhasillah *war'* (warak), *zuhd* (zuhud) dan *haya'* (malu) ('Abd al-Halim, 2004, 163; 171; 182). Daripada teras *khunu'* dan *khudu'* terhasillah *ta'ah* (taat), *amanah* (amanah) dan *itqan* (tekun). Dan daripada teras *mahabbah*, *tawakkal* dan *rida* terhasillah *'isq* (asyik), *tarhum* (mengasihi), *shukr* (syukur), *tafkur*

(berfikir), *tawadu‘* (tawaduk), *muhاسبah* (introspeksi) dan *‘adalah* (adil) (al-Ghazzali, 1999, 35; 40; 49; 75; 182; 187; 195; 253; 330; 354). Keberhasilan cabang-cabang akhlak Islam ini merupakan kemuncak pencapaian yang ditumpukan dalam pendekatan akidah Sifat 20. Namun bukanlah pencapaian tersebut kerana kekeramatan bilangan 20 atau khatam mempelajari 20 sifat wajib bagi Allah SWT sahaja, tetapi yang lebih penting, kerana penghayatan sifat-sifat mulia yang terdapat padanya. Meneladani perkara ini telah menjadi resam para ulama’ Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah sepanjang zaman. Oleh yang demikian, mereka berterusan menggunakan pendekatan Sifat 20 sebagai kaedah mengajar akidah Islamiyah, yang mana secara tidak langsung telah mendidik akhlak Islam. Tidak sahaja mengajar, para ulama’ ini menulis kitab-kitab berkenaan pendekatan Sifat 20, dan adalah tulisan mereka dalam lapangan ini terlalu banyak untuk dijumlahkan. Di sini dibawakan beberapa contoh tulisan mereka, khasnya dalam tulisan Jawi, sekadar menjadi bukti kesinambungan yang wujud di antara alam Islam di benua Arab dan nusantara. Antaranya *Qatr al-Ghaythiyyah* karangan Shaykh Husin al-Banjari, *al-Dur al-Thamin* karangan Shaykh Dawud al-Fattani, *Hidayah al-Salikin* karangan Shaykh ‘Abd al-Samad al-Falimbani, *Taj al-‘Arus* karangan shaykh ‘Uthman al-Funtiyani dan *Risalah al-Tawhid* terjemahan ‘Abd al-Ghani Yahya dan ‘Umar Yusuf.

CABARAN SEMASA AKHLAK ISLAM

Sepertimana akidah Islamiyyah yang sentiasa diuji, begitulah juga yang melanda akhlak Islam. Malah boleh dikatakan, ujian yang dilalui oleh kedua-duanya adalah setara kerana akidah dan akhlak seumpama dua tangan pada satu badan atau seperti cahaya timur dan barat pada matahari. Mencederakan salah satu tangan boleh mencacatkan badan, menghalang satu bahagian cahaya boleh mengubah nama matahari.

Dari segi dalaman – merujuk kepada diri individu Muslim – akhlak Islam diserang oleh sifat *madhmumah* (tercela) seperti hasad, sombong dan irihati, manakala dari segi luaran – merujuk kepada usaha musuh Islam – akhlak Islam diserang oleh anasir *taghiyah* (taghut) yang bersembunyi disebalik ideologi, hiburan, maklumat dan sebagainya. Dr. Jamal al-Din ‘Afifi menyatakan, antara serangan-serangan tersebut, pertama dari segi dalaman:

1. Daya penarikan agama (*al-wazi‘ al-dini*) yang lemah di dalam jiwa insan. Faktor ini menyebabkan kecenderungan akhlak lebih terarah kepada bisikan syaitan berbanding kepada seruan ilahi. Akibatnya akhlak yang terpupuk adalah akhlak *sayyi‘ah* (keji).
2. Kejahatan (*shar*) yang berkembang di dalam jiwa, hasil daripada pandangan yang sempit, tidak terbuka untuk menerima panduan atau nasihat.

Serangan akhlak dari segi dalaman ini lebih bersifat fitrah, ia dilakukan sendiri oleh individu yang rosak akhlaknya atau dengan kata lain, individu sebegini memilih kejahatan merajai jiwa dan perlakuannya. Dia tidak memiliki *his akhlaqi* (indikator akhlak), *damir* (naluri insaniyah)

mahupun *wijdan akhlaqi* (kesedaran berakhlak). Tanpa semua ini, individu tersebut tidak mampu menilai apa itu baik dan buruk, tidak berupaya menceraip kebaikan atau mengenyah keburukan, dan tiada sedikitpun kesedaran hati melarang dirinya melakukan kejahatan ('Afifi, 1994, 174-176).

Dari segi luaran pula, serangan akhlak Islam lebih bersifat mempengaruhi iaitu berpunca daripada situasi atau adat kebiasaan. Jenayah, moraliti yang pincang adalah antara faktor mengubah individu yang berakhlak dengan akhlak Islam menjadi sifar akhlak atau berakhlak dengan akhlak *madhmumah*. Di sini tidak timbul dia tidak memiliki indikator akhlak, naluri insanियah dan kesedaran berakhlak, namun semua ini tidak berfungsi kerana desakan situasi atau adat kebiasaan yang lebih hebat, maka untuk survival, individu tersebut membiasakan (*takyif*) dirinya dengan kejahatan sama ada secara rela atau terpaksa. Akibatnya, dia secara sedar atau tidak telah membunuh jiwanya yang menerima akhlak Islami ('Afifi, 1994, 176). Hal ini diambil labaan oleh musuh-musuh Islam sebagai strategi menghancurkan Islam dan umatnya. Justeru itu, apabila melibatkan akhlak Islam, musuh-musuh Islam melancarkan serangan berbentuk fahaman kerana ia tertumpu kepada hati dan akal yang mana kedua-duanya adalah pusat akhlak Islam. Dalam hal ini, sekularisme adalah senjata ampuh yang paling sesuai.

Kemampuannya memisahkan agama daripada sistem dan pemikiran manusia, sekularisme diaplikasikan dengan tujuan memundurkan umat Islam dan seterusnya memusnahkan Islam dari akarnya. Kejayaan kemusnahan ini tinggi kerana sekularis amat mengetahui, Islam sebagai agama Allah adalah Islam yang memuliakan akhlak. Memisahkan manusia daripada akhlak bererti memisahkan mereka daripada nilai hidup. Hasilnya, tanpa akhlak manusia mudah disesat dan diperhambakan. Dan inilah yang telah terjadi, beberapa kejayaan sekularisme di alam Islam yang boleh dijadikan paparan:

1. Penyelewengan akidah umat Islam.
2. Pertelagahan sesama Muslim.
3. Membangkitkan ijihad fekah yang terpencil.
4. Penjajahan dan penjarahan.
5. Orientalisme dan Kristianisasi (Ahmad 'Abdah, 1991, 49).

Memetik sebuah ucapan misionari pada tanggal April 1935:

Kepentingan Kristianisasi yang diusahakan oleh kerajaan Masihi yang tertumpu kepada negara-negara Muhammadiyah bukanlah tujuan utamanya memasukkan orang Islam ke dalam agama Masihi, kerana ini adalah hidayah dan kemuliaan bagi mereka, akan tetapi keutamaan kalian adalah mengeluarkan Muslim daripada Islam supaya menjadi makhluk yang tiada hubungan dengan Allah, yang mana seterusnya menjadikan dia tiada

hubungan dengan akhlak yang menjadi tunjang umat Islam dalam hidup mereka (Ahmad 'Abdah, 1991, 66).

Jika dilihat secara kasar, adalah menghairankan paderi-paderi Kristian menggunakan sekularisme sebagai alat menyerang Islam dan umatnya kerana sekularisme jugalah yang telah merobek institusi gereja dahulu-kala, yang melumpuh pengaruh gereja dan memaliti hina pada pastor-pastornya. Akan tetapi, apabila diteliti kepada agenda sekularis, kehairanan tadi luput, kerana Kristianisasi adalah salah satu senjata pemusnah Islam hingga ke akar umbinya.

Daripada pembenihan sekularisme yang ampuh menyerang akhlak Islam bangkit pula usaha menyesat cara berfikir dan resam budaya Islam melalui medium yang pelbagai. Hiburan, maklumat, politik, kecanggihan teknologi dan sebagainya bukan sahaja melalaikan bahkan memudahkan 'isme' yang berbagai menyusup, menjadi galang ganti kepada asas-asas Islam yang telah dimusnahkan. Betapa kita melihat sekularisme pembuka jalan kepada pemusnah Islam dan umatnya.

KESIMPULAN

Perkaitan di antara Sifat 20 dengan tasawwuf dan dengan akhlak Islam adalah satu jalinan yang tidak dapat dinafikan. Dalam Mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, perkaitan ini telah menjadi resmi mereka. Tokoh mereka yang terkenal sebagai hujah Islam dan Muslimin, Imam al-Ghazzali RH, adalah ilmuwan yang disebut-sebut sebagai individu yang mengetengahkan perikatan Sifat 20 dan tasawuf secara efektif malah karya *magnus opusnya Ihya' 'ulum al-Din* adalah hasil perikatan tersebut yang berpijak di bumi yang nyata. Melalui *Ihya'* semi akhlak dititipkan secara terperinci sehingga tamadun akhlak Islam berada pada kemuncak gemilangnya. Iaitu akhlak yang bukan sahaja tertumpu pada hati malah berkembang berhubung dengan emosi, pekerjaan, sosial, politik dan lain-lain lagi. Dan ia tidak terhenti di situ sahaja, perkembangan Ilmu Tasawwuf dan Ilmu Pemikiran Islam menemui titik pertemuannya dengan lebih jelas dan utuh. Imam al-Ghazzali RH turut memberi nilai dan menjadi rintisan kepada Ilmuwan Islam terkemudian yang mana ramainya mempelopori bidang pemikiran Islam dan mengejutkan barat. Seheinggakan tokoh-tokoh mereka yang membina tamadun urbanisasi seperti Francis Bacon (m . 1626M) dan Ranny Decart (m. 1650M) dilihat membayangi Imam al-Ghazzali RH dalam olahan pemikiran mereka (Muhammad al-Anwar, t.t., 9-13). Selain itu, Ilmu Kalam yang disifatkan najis falsafah oleh pendokong salafiyah, mendapat kedudukan yang baru, yang berbeza dari sebelumnya. Semua ini adalah hasil usaha perhalusan Imam al-Ghazzali RH sesudah diberi nafas baru oleh guru-guru aliran Asha'irah seperti Imam al-Haramayn, al-Qadi al-Baqilani, Mujahid dan Imam al-Ash'ari RH (Ibn Khaldun, 2007, 434).

Inilah tamadun yang mengangkat martabat agama dan manusia, yang mana asasnya adalah akhlak mulia. Bila akhlak ini rosak, rosaklah umat dan tidak bernilailah agama walaupun nabi umat tersebut sebaik-baik

makhluk Allah SWT. Dari sudut ini, akhlak dan akidah saling berpadu, dan inilah yang difahami daripada *ta'rif bi rasm* (takrif secara rasmi) akhlak:

علم بالفضائل وكيفية أقتنائها ليتحلى الإنسان بها. وهو علم بالردائل وكيفية توقيها ليتخلى الإنسان عنها.

Terjemahan: ilmu tentang kemuliaan dan kaifiat mencerapinya supaya manusia dapat beramal dengannya (kemuliaan). Dan ia (akhlak) juga ilmu tentang kecelaan dan kaifiat menjauhinya supaya manusia dapat menjauhinya (kecelaan). ('Afifi, 1994, 4).

Bukan hanya mengenal kemuliaan bahkan mengetahui cara mengamalkannya, di samping mengenal kecelaan dan menjauhinya, itulah anjuran berakhlak mengikut Islam.

Dalam sejarah Islam, akhlak Islam adalah momentum kepada pembangunan dan kesejahteraan umat. Ekonomi yang dijana, undang-undang yang dipraktikkan, mencapai kegemilangan dan motifnya kerana umat Islam bersedia menerima kebaikan, hasil daripada baiknya akhlak. Berbeza dengan selepasnya atau tepatnya sekarang, umat Islam semakin menjauhi akhlak tersebut dan seakan berusaha melenyapkannya. Alangkah ini suatu perkara yang amat menyedihkan.

Apa pun yang terjadi pada hakikatnya, orang Islam tidak pernah dijamin gagal menggapai kebaikan, sama ada dahulu atau sekarang. Ini kerana, rukun-rukun yang membina tamadun sentiasa kekal dalam ajaran wahyu Allah SWT, tinggalnya lagi dipatuhi dan dimanfaatkan. Ambillah pengajaran yang lalu demi membina keelokkan hari ini dan masa hadapan. Memetik maksud telahan Dr. Yusuf al-Qardawi HA:

Kemudian mengambil faedah daripada tinggalan al-sabiqun (orang-orang yang terdahulu) oleh al-lahiqun (orang-orang yang terkemudian) daripada ilmu, adab dan seni. Inilah dia (al-lahiqun) diri kita, setelah kita meneliti dan mencermati semuanya, kita suaikan dengan keperluan zaman dan situasi kita (al-Qardawi, 2000, 47).

Dengan telahan ini, semoga ia menjadi pendorong umat Islam khususnya di nusantara menginsafi diri, ke manakah arah hala tuju akidah dan akhlak Islam yang kian dibayar dengan harga dunia yang murah. Semoga kandungan makalah yang dipersembahkan ini dapat menyumbang kepada mengukuhkan kefahaman Islam mengikut tatanan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah – *'aqidatan wa akhlaqan* (akidah dan akhlak). *Wallahu ta'ala a'lam.*

RUJUKAN

- Abdullah Basmeih. *Al-Qur'ān al-Karīm Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*. cet. ke-6. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad, 1995.
- Aḥmad 'Abdah Maḥmūdah al-Jamal. *Fī al-Madhāhib al-Mu'āshirah: dirāsah li ṭā'ifah min madhāhib al-'Ilm wa al-Fikr al-Mu'āshirah min manzūr islāmī*. t.tp.; t.p., t.t.
- Al-'Asqalānī, Aḥmad bin 'Alī bin Ḥajar. *Fatḥ al-Bārī bi sharḥ ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. ed. Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī. Jilid. 1. Kaherah: Maktabah al-'Ilm, t.t.
- Al-Bayjūrī, Ibrāhīm bin Muḥammad. *Tuḥfah al-Murīd 'alā jawharah al-Tawḥīd*. Mesir: Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa awlādihī. 1939.
- Al-Būṭī, Muḥammad Sa'īd Ramaḍān. *Kubrā al-Yaqīniyyāt al-Kawniyyah: wujūd al-Khāliq wa waḥdānīyah al-Makhlūq*. cet. ke-31. Damsyik: Dār al-Fikr, 2010.
- Al-Falimbānī, 'Abd al-Ṣamad. *Hidāyah al-Sālikīn*. Pattani: Maṭba'ah Halābī, t.t.
- Al-Ghazzālī, Abī Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad. *Mukāshafah al-Qulūb: al-Muqarrab ilā ḥadrah 'allām al-Ghuyyūb fī 'ilm al-Taṣawwūf*. ed. Ṭāhā 'Abd al-Ra'ūf Sa'ad. Mansoura: Maktabah al-Īmān, 1999.
- Al-Muḥāsibī, al-Ḥārith bin Asad. *Risālah al-Mustarshidīn li al-Ḥārith al-Muḥāsibī*. ed. 'Abd al-Fattāḥ Abī Ghuddah. cet. ke-9. Kaherah: Dār al-Salām, 2000.
- Al-Nawawī, Muḥy al-Dīn Abī Zakariyyā bin Sharaf. *Sharḥ al-Arba 'īm al-Nawawīyyah*. ed. Aḥmad Abū al-Majad. Kaherah: Dār al-'Aqīdah, 2000.
- Al-Qarḍāwī, Yūsuf. *Al-Waqt fī ḥayah al-Muslimīn*. Cet. ke-2. Beirut: Mu'assah al-Risālah, 2000.
- Al-Qushayrī, 'Abd al-Karīm bin Hawāzin. *al-Risālah al-Qushayriyyah fī 'ilm al-Taṣawwūf*. ed. Ma'rūf Zariq, 'Alī 'Abd al-Ḥamīd. cet. ke-2. Beirut: Dār al-Jīl, 1990.
- Al-Qūṣī, Muḥammad 'Abd al-Faḍīl. *Hawāmish 'alā al-Iqtisād fī al-'Iṭiqād li ḥujjah al-Islām al-Ghazzālī: quṭbān al-thālith wa al-rābi'*. cet. ke-2. t.tp.: t.p., 1997.
- Al-Sha'rānī, Muḥammad bin 'Abd al-Wahhāb. *Ṭabaqāt al-Kubrā*. Jilid 1. t.tp.: Ṭaba'ah Ṣabīḥ, t.t.
- 'Abd al-Ḥalīm Maḥmūd. *Al-Taṣawwūf al-Islāmī: shakhṣiyyāt wa nuṣūṣ ma'a kitāb al-Munqidh min al-Ḍalāl*. ed. Munī' 'Abd al-Ḥalīm Maḥmūd. Kaherah: Maṭba'ah al-Madani, 2004.
- 'Afīfī, Jamāl al-Dīn Ḥusīn. *Usus falsafah al-Akhlāq*. Kaherah: Dār al-Ṭabā'ah al-Muḥammadiyyah, 1994.
- 'Alī Jum'ah. *Ḥāshiyah al-Bāyjūrī 'alā jawharah al-Tawḥīd al-musammā tuḥfah al-Murīd 'alā Jawharah al-Tawḥīd*. Cet. ke-5. Kaherah: Dār al-Salām, 2010.
- Ibn Khaldūn, 'Abd al-Raḥmān. *Muqaddimah Ibn Khaldūn*. ed. Aḥmad Jād. Kaherah: Dār al-Ghad al-Jadīd, 2007.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga*. cet. ke-7. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.

- Muḥammad al-Anwār Ḥāmid ‘Isā. *Nazarāt fī al-Manṭiq al-Ḥadīth wa manāḥij al-Baḥth*. t.tp.: t.p., t.t.
- Muḥammad ‘Alī Quṭb. *Mawāqif wa ‘ibar min ḥayah al-Tābi‘m*. Kaherah: al-Dār al-Thaqāfiyyah li al-Nashr, 2000.
- Muḥammad Fawqī Ḥajjāj. *Mawāqif min al-Taṣawwūf al-Islāmī: dirāsah taḥlīliyyah li tafsīr zāhirah al-inkār ‘alā al-Ṣūfiyyah*. Kaherah: Dār al-Ṭabā‘ah al-Muḥammadiyyah, 1984.
- Muḥammad Rabī‘ Muḥammad Jawhari. *‘Aqīdatunā*. Jilid 1. cet. ke-10. Kaherah: Jāmi‘ah al-Azhar.
- Muslim, al-Ḥajjāj. *Ṣaḥīḥ Muslim*. ed. Muḥammad Fu‘ād ‘Abd al-Bāqī. cet. ke-2, Beirut: t.p., 1972.
- ‘Ulwān, ‘Abd Allāh Nāṣiḥ. *Ma ‘ālim al-Ḥadārah fī al-Islām wa ātharuhā fī al-Nahḍah al-Urūbiyyah*. Kaherah: Dār al-Salām, 1984.
- Zayn al-Dīn bin Muḥammad. *‘Aqīdah al-Nāḥīn fī ‘ilm uṣūl al-Dīn*. cet. ke-4. Thailand: Maktabah wa maṭba‘ah Muḥammad al-Nahdī wa awlādihi, t.t.

